

19 MAR 2000

CADANGAN KETUA UMNO SUNGAI SIPUT CALONKAN KU LI TAK BERJAYA

SUNGAI SIPUT, 19 Mac (Bernama) -- Tindakan Ketua Umno bahagian Sungai Siput Datuk Mohamad Padil Harun mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan Timbalan Presiden tidak berjaya apabila majoriti perwakilan memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada mesyuarat bahagian itu di sini hari ini.

Cadangan Padil itu menerima 82 undi berbanding 102 undi bagi cadangan oleh Naib Ketua bahagian, Haji Ahmad Fakeh Adam yang turut mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden dan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Dr Rais Yatim dan Datuk Seri Abu Hassan bagi jawatan Naib Presiden.

Sebanyak 206 orang anggota dari 63 cawangan menghadiri mesyuarat itu. Sebanyak 22 orang daripada mereka tidak mengundi yang dijalankan melalui angkat tangan.

Padil turut mencadangkan Dr Mahathir untuk jawatan Presiden manakala bagi jawatan Naib Presiden beliau mencalonkan Najib, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Padil dalam ucapannya berkata jawatan Timbalan Presiden perlu dipertandingkan kerana ia kini kosong.

"Sesiapa yang memegang jawatan itu perlu diuji kebolehan dan kemampuannya kerana dia akan bakal jadi Presiden parti," katanya.

--BERNAMA

HAK MAI